# USIM terajui FFVPM-10

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) mendapat kepercayaan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) untuk menjadi tuan rumah penganjuran Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia (FFVPM) ke-10 pada November ini.

Penganjuran kali ini bakal memperlihatkan penglibatan lebih 80 institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara dengan bertemakan *Evolusi Lensa Merentasi Globalisasi* yang menekankan aspek pemantapan kualiti produk penyiaran di Malaysia serta mesej nilai murni dalam era globalisasi.

Semua ini telah ditetapkan dalam satu penyerahan cek dan sidang media FFPVM-10 2013 yang telah berlangsung di Bangunan Canselori, USIM di Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Dalam majlis berkenaan, pihak Finas juga telah menyampaikan replika cek bernilai RM135,000 kepada pihak USIM sebagai tajaan penganjuran FFVPM-10 dengan harapan mendapat sambutan yang memberansangkan dari semua IPT seluruh Malaysia.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail berkata, USIM berhasrat untuk memartabatkan kualiti penerbitan filem serta memantapkan lagi mesej yang mengangkat elemen kecemerlangan rohani dan jasmani.

"Dengan sokongan Finas, program ini diharapkan akan dapat direalisasikan demi mencapai matlamat program selari dengan objektif USIM dan Finas sendiri," katanya.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ketua Pengarah Finas, Raja Rozaimie Raja Dalnish Shah dan Penasihat Bersama Jawatankuasa FFVPM-10, Prof. Dr. Zulkiple Abd. Ghani.

Menurut Dr. Zulkiple, Karnival Komunikasi (K-KOM 2013) turut diadakan sepanjang festival berlangsung termasuk bengkel penulisan skrip, bengkel animasi, apresiasi filem dan pameran berkaitan bidang komunikasi di Malaysia.

Sebanyak tujuh kategori dipertandingkan di dalam FFVPM-10 iaitu Filem/Video Pendek, Filem/Video Dokumentari, Filem/Video Eksperimen, Video Klip, Iklan, Filem/Video Animasi dan Pesanan Khidmat Awam (PSA).

- NOORUMAINA MOHAMED YUNUS/AZRIN

RAJA Rozaimie Raja Dalnish Shah (tengah) menyerahkan replika cek bernilai RM135,000 kepada Dr. Asma (kiri) sambil diperhatikan Dr. Zulkiple.

DR. Asma dalam amanatnya berpesan agar pelajar memanfaatkan sepenuhnya peluang pendidikan dan kemudahan ilmu yang ada di USIM.

## Selamat datang ke USIM

SERAMAI 2,209 orang pelajar berjaya bergelar siswa dan siswi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam Majlis Amanat dan Lafaz Ikrar pelajar baharu Sarjana Muda sesi akademik 2013/2014 yang diadakan baru-baru ini.

Majlis yang berlangsung di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan itu bertujuan meraikan kedatangan pelajar baharu di samping mendedahkan pelajar kepada pelbagai aspek kehidupan, dasar dan falsafah di USIM serta mendekatkan pelajar kepada pengurusan USIM.

Selain itu, mereka juga dimaklumkan tentang tanggungjawab pelajar terhadap agama, bangsa dan negara termasuk mempersiapkan pelajar dengan ilmu dan maklumat berguna bagi menghadapi pembelajaran peringkat ijazah Sarjana Muda di USIM.

Menurut Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail, pelajar perlu memanfaatkan sepenuhnya peluang pendidikan dan kemudahan ilmu yang ada agar dapat digunakan ke arah kebaikan dan memartabatkan profesion yang bakal ditempuh kelak.

Turut hadir dalam majlis berkenaan ialah Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan. - AZRIN